



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### PEJABAT TAGS DIRASMIKAN SEBAGAI KOMITMEN KPWK MENANGANI GANGGUAN SEKSUAL

**KUALA LUMPUR, 11 JUN 2026:** YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Pejabat Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) sebagai sebahagian daripada komitmen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) untuk memperkukuh akses kepada keadilan bagi mangsa gangguan seksual. Pejabat TAGS ini akan menyokong pengoperasian Tribunal dalam mendengar dan memutuskan aduan gangguan seksual secara bebas, adil dan saksama, melalui satu proses yang cepat, mudah dan pada kos yang minimum.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya menyatakan bahawa KPWK melalui TAGS menyediakan satu saluran alternatif kepada mahkamah sivil bagi mendengar aduan gangguan seksual yang berlaku di Malaysia pada atau selepas 8 Mac 2024. Tribunal ini membolehkan mangsa mengambil tindakan sivil dan menuntut pampasan atau ganti rugi daripada pelaku.

Kesemua pendengaran tersebut dijalankan secara tertutup. Selaras dengan Seksyen 20 Akta 840, sekiranya sesuatu aduan gangguan seksual berjaya dibuktikan berdasarkan imbalan kebarangkalian, TAGS akan mengeluarkan Award yang mengandungi satu atau lebih perintah yang berikut:

- i. Pernyataan permohonan maaf oleh Responden kepada Pengadu;
- ii. Penyiaran permohonan maaf oleh Responden kepada Pengadu;
- iii. Pembayaran pampasan atau ganti rugi oleh Responden kepada Pengadu tidak melebihi RM250,000.00;
- iv. Menghadiri program yang bersesuaian.

Namun, sekiranya aduan gangguan seksual gagal dibuktikan berdasarkan imbalan kebarangkalian, TAGS akan menolak aduan Pengadu.

Dalam majlis yang sama, sistem e-TAGS turut dilancarkan. Sistem ini telah mula diperkenalkan pada 1 Januari 2026 sebagai sistem pengurusan aduan secara elektronik untuk Tribunal. Sistem ini dibangunkan untuk membantu proses pemfailan, pengurusan, pendengaran, pengesahan keputusan/award, penyimpanan rekod aduan secara digital supaya lebih tersusun, cepat, mudah dan tanpa kertas. Sistem ini boleh diakses melalui <http://etags.kpwkm.gov.my>.

Berdasarkan Statistik Aduan Gangguan Seksual di TAGS, dari tarikh penubuhan TAGS pada 8 Mac 2024 sehingga 7 Jun 2026, sebanyak 99 aduan telah difailkan dengan 80 aduan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 60 hari dari hari pertama pendengaran dan baki 19 aduan sedang dalam proses pengurusan aduan di Tribunal.

Turut hadir YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YBrs. Puan Syafeera binti Mohd Said, Presiden TAGS dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
11 JUN 2026**